

23/09/2001

Subhi perkenal kaedah mudah pelajari tajwid al-Quran

Zainudin Isa

AL-QURAN yang diturunkan Allah sudah menjadi sumber rujukan umat Muhammad sejak berkurun lamanya dan sehinggalah hari kiamat. Kandungan al-Quran tidak pernah berubah atau diubah, termasuklah cara dan kaedah pembacaannya.

Cara membaca al-Quran (tajwid) selalunya disampai atau dipindah dari seorang ulama, guru atau ustaz kepada anak muridnya. Apabila ini berlaku, ada kemungkinan tajwid yang disampaikan itu tidak lagi tepat dan mengikut kehendak bacaan sebenarnya.

Selain itu, pada peringkat umur anak-anak kecil pula, mereka mungkin menghadapi masalah untuk memahami dan mempraktikkan tajwid disebabkan penggunaan bahasa Arab yang asing bagi mereka.

Namun, untuk memastikan al-Quran menjadi `rakan' umat Islam, satu kaedah pembacaan yang mudah, lancar pantas dan lebih sistematik berjaya ditemui oleh Subhi Taha seorang jurutera warga Syria.

Idea Subhi cukup mudah, iaitu memperkenalkan tajwid berkonsepkan kod atau petunjuk warna. Beliau menggunakan penggunaan tiga warna asas iaitu merah, biru dan hijau mewakili kaedah pembacaan, dengungan dan penekanan huruf yang berbeza.

Dalam al-Quran bertajwid Subhi, beliau menggunakan enam warna bagi menandakan hukum tajwid. Untuk bacaan mad, warna berasaskan merah bermula dari gelap ke terang.

Merah perang memerlukan sebutan enam harakat, merah (lima harakat), jingga (dua, empat atau enam harakat), dan ungu (dua harakat).

Warna hijau pula menunjukkan bacaan dengung untuk idgham, ikhfa' dan iqlab, manakala warna kelabu untuk bacaan yang tidak perlu disebutkan.

Menurut Subhi, dengan memahami kod warna merah dan hijau saja, pembaca sudah mematuhi 24 peraturan tajwid.

"Dengan mengurangkan bebanan memikirkan hukum tajwid, pembaca boleh mendalami maksud setiap ayat, sekali gus mendapat faedah daripada kitab suci yang diturunkan sebagai pedoman umat akhir zaman," katanya.

Justeru, beliau mendapati kaedah terbaik ialah dengan pembaca al-Quran dapat melihat sendiri hukum tajwid dengan memasukkan `tanda-tanda' di setiap ayat. Bagaimanapun, `tanda-tanda' itu tidak seharusnya memberatkan lagi titik, baris dan tanda sedia ada mengikut Rasam Uthmani.

Selepas ideanya itu diperkenalkan kepada Universiti Al-Azhar dan diterima oleh Lajnah - satu-satunya badan pengawal al-Quran di dunia, terbitlah Kitab Tajwid Musraf Dar Al-Maarifah pada awal 1998.

Penemuan itu dianggap satu inovasi bersejarah dalam Islam sejak al-Quran mula dicatat dan dijilid sejak lebih 1,400 tahun dahulu.

"Idea ini saya dapati ketika menunaikan sembahyang di Masjid Osman, di ibu negara Syria pada 1991. Semuanya atas keizinan Allah dan saya amat berharap ia mampu memberi kesenangan kepada seluruh umat Islam," katanya ketika ditemui Berita Minggu, di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Subhi dalam lawatan ke negara ini dalam usaha menerbitkan tajwid terjemahan versi penuh bahasa Melayu.

Sebelum itu, beliau turut melakukan kunjungan hormat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Putrajaya, 31 Julai lalu.

Diminta menceritakan kelebihan Dar Al-Maarifah, Subhi berkata dengan menggunakan kod warna itu bermakna umat Islam dapat menggunakan satu kaedah pembacaan al-Quran yang `standard'.

Katanya, penggunaan kod warna itu bukan saja memudahkan seseorang

membaca dengan lancar, malah menguasai al-Quran dalam masa pantas.

"Kelebihannya kepada sesiapa saja dari kanak-kanak, orang dewasa atau mereka yang jarang mendekati al-Quran.

"Sebelum ini saya sendiri pernah mengalami pengalaman apabila guru al-Quran mengetuk tangan kami ketika belajar tajwid di Masjid Kuwait di Syria. Justeru, saya terfikir alangkah baiknya jika ada simbol yang paling memudahkan peraturan tajwid ini diperkenalkan," katanya.

Hasil idea unik Subhi itu, kini lebih dua juta naskhah al-Quran bertajwid sudah dipasarkan di seluruh dunia, manakala siaran pembelajaran melalui video disiarkan di beberapa negara Timur Tengah, termasuk Arab Saudi, Kuwait, Qatar, Jordan, Emiriyah Arab Bersatu dan Sudan.

Malah, kitab itu kini sudah diterjemah dalam tujuh bahasa dunia iaitu, Arab, Perancis, Inggeris, Melayu, Parsi, Urdu dan Turki.

Di Malaysia, al-Quran bertajwid dipasarkan oleh Darul Fikir, ejen tunggal yang dilantik Dar Al-Maa'rifah untuk seluruh Asia Tenggara termasuk, Australia dan India.

Pengarah Urusannya, Mohd Zaki Ahmad, berkata setakat ini lebih 50,000 naskhah al-Quran bertajwid itu sudah dipasarkan di Malaysia sejak 1997 lalu.

Katanya, al-Quran bertajwid ini sudah diiktiraf Pusat Islam. Mereka yang berminat boleh menghubungi Darul Fikir yang berpejabat di 329B, Jalan Abdul Rahman Idris, Off Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur, 03-2981636 atau 03-2913892.

(END)